

TEKS UCAPAN

**Y.BHG. DATO' IR. HJ. ISMAIL B MD SALLEH
PERHIMPUNAN BULANAN 4/13**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BERUSAHA TN. HAJI MOHD SALLEH BIN SANTHIMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BERUSAHA TN. HAJI RAHIM BIN GOON
TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y. BERUSAHA IR. MOHD SHUHAIMI BIN HASSAN
PENGARAH KANAN PROJEK
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y. BERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN
PENGARAH KANAN PENGURUSAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN
ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

1. ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA HE HADRAT *ALLAH SWT*, KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN KEIZINANNYA, DAPAT KITA BERSAMA-SAMA BERKUMPUL PADA PAGI INI DI MAJLIS PERHIMPUNAN YANG KE EMPAT PADA TAHUN INI.

2. PADA 5 MEI YANG LALU, KITA SEMUA SUDAH MAKLUM AKAN KEMENANGAN PARTI POLITIK YANG MENGUASAI PARLIMEN DAN SETERUSNYA MENUBUHKAN KERAJAAN BARU SETELAH 33 HARI PARLIMEN KE-12 DIBUBARKAN. Y.A.B DATO SERI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK TELAH MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI PERDANA MENTERI UNTUK PENGGAL KEDUA. BELIAU DALAM TEMPOH TERDEKAT AKAN MELANTIK BARISAN MENTERI-MENERI KABINET YANG BAKAL MENERAJUI PORTFOLIO KEMENTERIAN UNTUK TEMPOH LIMA TAHUN AKAN DATANG. LLM DALAM HAL INI AKAN TERUS MEMBERIKAN KOMITMEN YANG TINGGI DAN PERKHIDMATAN TERBAIK KEPADA MENTERI KERJA RAYA YANG BAKAL DILANTIK.

3. KOMITMEN DAN JANJI KEPADA RAKYAT PERLU KITA TUNAIKAN. KPI YANG TELAH DIBENTANGKAN PADA BULAN FEBRUARI YANG LALU ADALAH JANJI KITA KEPADA RAKYAT. SEBANYAK 22 KPI TELAH DITETAPKAN SEPANJANG TAHUN 2013. SATU PENILAIAN PENCAPAIAN SEHINGGA 30 APRIL TELAH DILAKSANAKAN DAN DIDAPATI PENCAPAIAN KPI BAGI BIDANG TUGAS UTAMA LLM IAITU PERANCANGAN, PEMBINAAN DAN PENYENGGARAAN LEBUH RAYA, MASIH DI BAWAH SASARAN YANG DITETAPKAN. JUSTERU SAYA MEMINTA AGAR BAHAGIAN-BAHAGIAN YANG TERLIBAT MENGAMBIL TINDAKAN SEWAJARNYA DAN MENGENALPASTI PUNCA SEBENAR PEMASALAHAN YANG DIHADAPI BAGI MEMASTIKAN SASARAN KPI TERCAPAI.

HADIRIN SEKALIAN

4. PEMBINAAN JAMBATAN KEDUA PULAU PINANG SUDAH BERADA DI LANDASAN TERAKHIR UNTUK DISIAPKAN DAN DIBUKA LEBIH AWAL DARIPADA JADUAL IAITU PADA BULAN SEPTEMBER 2013. PROJEK JPP2 SEPANJANG 24 KM INI MENELAN BELANJA SEBANYAK RM 4.5 BILLION DAN APABILA SIAP KELAK AKAN MELAKAR SEJARAH SEBAGAI JAMBATAN TERPANJANG DI ASIA TENGGARA. SECARA FIZIKALNYA, JAMBATAN INI TELAH MENGHUBUNGKAN BATU MAUNG DI BAHAGIAN PULAU DAN BATU KAWAN DI BAHAGIAN TANAH BESAR APABILA RENTANG NAVIGASI TERAKHIR TELAH DISAMBUNGAN PADA 20 APRIL 2013. DENGAN KATA LAIN, KENDERAAN SUDAH BOLEH MERENTASI JAMBATAN TERSEBUT. Y.A.B PERDANA MENTERI JUGA TELAH MENGADAKAN LAWATAN KERJA KE JAMBATAN TERSEBUT PADA 26 APRIL 2013 YANG LALU DAN BELIAU AMAT BERPUASHATI DENGAN KEMAJUAN KERJA PROJEK INI.

5. PROJEK PEMBINAAN INI MERUPAKAN SATU JANJI KERAJAAN KEPADA RAKYAT YANG MANA KITA ADALAH AGENSI YANG MEMIKUL TANGGUNGJAWAB TERSEBUT. JUSTERU ITU, SEMUA PROJEK-PROJEK PEMBINAAN HATTA PROJEK MENAIK TARAF PARKIR DI RSA PUN ADALAH SATU JANJI KITA KEPADA RAKYAT DALAM MEMBERI PERKHIDMATAN YANG TERBAIK, CEKAP DAN MENGWUJUDKAN LEBUH RAYA DENGAN SELAMAT DAN SELESA. KITA PERLU KOTAKAN JANJI-JANJI KITA. KITA PERLU BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN MEMASTIKAN SETIAP PROJEK YANG DILAKSANAKAN ADALAH BERKUALITI DAN BUKANNYA PROJEK “BAGAI MELEPASKAN BATOK DI TANGGA”.

HADIRIN YANG DI HORMATI SEKALIAN.

6. SEBAGAI PENDUKUNG DASAR DAN WAWASAN NEGARA, PENJAWAT AWAM SEHARUSNYA PEKA DENGAN INFORMASI DAN PENGETAHUAN TERKINI. MAKLUMAT YANG DISAMPAIKAN PERLULAH TEPAT, CEPAT DAN PADAT SERTA MEMBERI MANFAAT KEPADA GOLONGAN SASAR. DENGAN ITU, KITA AKAN DAPAT MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI AGEN TRANSFORMASI PALING

HADAPAN DAN PERANTARAAN ANTARA RAKYAT DAN KERAJAAN YANG BERKESAN KE ARAH MENJAYAKAN AGENDA TRANSFORMASI. SAYA JUGA INGIN MENEKANKAN KEPADA SEMUA WARGA LLM UNTUK MENGAMALKAN BUDAYA “FOLLOW UP” DI DALAM TUGAS HARIAN DAN JANGAN MENGAMALKAN BUDAYA “WAIT AND SEE”. BUDAYA “FOLLOW UP” INI DAPAT MEMPERCEPATKAN DAN MEMBANTU MERANCANG KERJA KITA, MANAKALA BUDAYA “WAIT AND SEE” AKAN MENYEBABKAN KITA DILIHAT TIDAK PROAKTIF DI DALAM PENYAMPAIKAN PERKHIDMATAN. SEBAGAI CONTOH, JIKA TERDAPAT KEROSAKAN DI LEBUH RAYA DAN TELAH DIMAKLUMKAN KEPADA SYARIKAT KONSESI, ADAKAH KITA HANYA PERLU TUNGGU DAN LIHAT SELEPAS ITU ATAU MEMBUAT SUSULAN?

7. LLM JUGA KINI KE ARAH MENTRANSFORMASI SKOP DAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATANYA DI MANA PADA PENGHUJUNG TAHUN 2012 LLM TELAH MENGADAKAN DUA PROGRAM RETREAT YANG MEMFOKUSKAN KEPADA PENGENALPASTIAN AKTIVITI KERJA SEMASA UNTUK DITAMBAHBAIK DENGAN MELAKSANAKAN TRANSFORMASI TERUTAMANYA BERKAITAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN LEBUH RAYA SERTA ORGANISASI. DI DALAM PROGRAM INI, LIMA TERAS PENTING TELAH DIKENALPASTI BAGI MEMANTAP DAN MEMPERKUKUHKAN STRATEGI TRANSFORMASI LLM IAITU MEMPERKASAKAN PERANAN LLM DALAM PENGURUSAN LEBUH RAYA, MERAKYATKAN PERKHIDMATAN LEBUH RAYA, PENJANAAN PENDAPATAN LLM, PENGAWALSELIAAN KENDIRI DAN PEMBANGUNAN LEBUH RAYA PINTAR. PADA HARI INI PELAN TRANSFORMASI LLM AKAN DIBENTANGKAN UNTUK MAKLUMAN DAN SEWAJARNYA TINDAKAN-TINDAKAN SUSULAN HENDAKLAH DIAMBIL SEBAGAIMANA YANG DIDOKUMENKAN. PELAN TRANSFORMASI INI AKAN DIUKUR DAN DINILAI UNTUK MELIHAT KEBERKESANAN DAN PENCAPAIANYA SERTA JIKA PERLU MELAKSANAKAN KAJIAN SEMULA DARI MASA KE SEMASA.

HADIRIN YANG DI HORMATI SEKALIAN,

8. PELAKSANAAN PELAN TRANSFORMASI JUGA PERLU DISOKONG OLEH PROSIDUR KERJA YANG LENGKAP DAN SENTIASA DIKEMASKINI BAGI

MEMASTIKAN OBJEKTIF DAN MATLAMAT PELAN TERCAPAI. SELARAS DENGAN ITU PENGURUSAN LLM TELAH MENGARAHKAN AGAR MANUAL PROSIDUR KERJA (MPK) SETIAP BAHAGIAN DISEMAK DAN DIKAJI SEMULA KESESUAIANNYA DENGAN FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB SEMASA LLM. MPK MERUPAKAN DOKUMEN RUJUKAN BAGI SETIAP BAHAGIAN YANG MENGANDUNGI PROSES KERJA BAGI SETIAP AKTIVITI UTAMA BAHAGIAN.

9. PENYEDIAAN MPK INI ADALAH PENTING KEPADA LEMBAGA BAGI MENGWUJUDKAN KESERAGAMAN, MENGURANGKAN KESILAPAN OPERASI SEMASA MENJALANKAN TUGAS, DAN MENENTUKAN PERATURAN BERKUATKUASA DIPATUHI. SEBANYAK TIGA SESI PENGHARMONIAN MPK TELAH DIRANCANG DAN DUA DARIPADANYA TELAH DIADAKAN. SEMASA SESI PENGHARMONIAN TERSEBUT, MPK INI AKAN DISELARASKAN DENGAN EMPAT SISTEM PROSIDUR KERJA (SPK) MS ISO SEDIA ADA DI LLM. PENGHARMONIAN MPK INI JUGA PERLU DISUSULI DENGAN PENGEMASKINIAN FAIL MEJA TUAN PUAN MASING-MASING.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

10. AKHIR KATA, KITA SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA PERLU BERSATU HATI DALAM MEMAJUKAN NEGARA DAN MENGEKALKAN KEAMANAN TANPA MENGIRA LATAR BELAKANG DAN BUDAYA. DI SAMPING ITU, SEBAGAI PENJAWAT AWAM KITA JUGA PERLU TERUS MENYOKONG DAN MENDOKONG ASPIRASI KERAJAAN DALAM MENCAPAI WAWASAN 2020. KITA HENDAKLAH SENTIASA BEKERJA KERAS SEBAGAI SATU PASUKAN UNTUK MEMBERIKAN PERKHIDMATAN TERBAIK DEMI PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN LEBUH RAYA.

WABILLAHİ TAUFİK WALHİDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHİ WABARAKATUH.